




PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) 2019 - 2023

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan harapan tinggi rakyat untuk negara bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.

Rasuah di Malaysia: SOROTAN PENTING SIAPA YANG KORUP DI MALAYSIA

Pegawai yang paling terlibat dengan rasuah berdasarkan peratusan responden



Pernahkah anda memberi rasuah kepada pegawai** dalam tahun kebelakangan ini?



* termasuk pegawai di Pejabat Perdana Menteri
 ** enam bentuk perkhidmatan: sekolah awam, hospital, Jabatan pendaftaran & imigresen, perkhidmatan utiliti, polis dan mahkamah

GRAFIK: themalaymailonline.com
 SUMBER: Global Corruption Barometer 2017, Transparency International, GIACC

EPISOD PENCEGAHAN RASUAH DI MALAYSIA

2004
 Pelan Integriti Nasional (PIN)

2010
 Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0

2012
 Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0

2019-2023
 Pelan Antirasuah Nasional (NACP)

Antara tahun 2005 hingga 2014, Malaysia telah kehilangan **RM1.8 trillion** menerusi aliran kewangan tidak sah yang mana sebahagian daripadanya berpunca daripada amalan rasuah.

SUMBER: Global Financial Integrity Report 2017

SEKTOR YANG PALING TERDEDAH KEPADA RASUAH

63.30%
 Aduan rasuah diterima melibatkan Sektor awam

SUMBER: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)



Untuk beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia telah melalui masa yang sukar lantaran berhadapan dengan isu besar dalam usahanya untuk memerangi rasuah; episod sukar ini diharap tidak akan berulang pada masa akan datang. Memetik kata-kata YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, Malaysia perlu dikenali kerana integriti dan bukannya kerana rasuah. Oleh itu, dalam menghadapi cabaran globalisasi dan senario politik yang tidak menentu, Kerajaan perlu menetapkan hala tuju melalui pembangunan suatu strategi bersepadu dan menyeluruh dalam usaha untuk memerangi rasuah.

ANTARA ISU UTAMA YANG DIHADAPI OLEH MALAYSIA DALAM MEMERANGI RASUAH IALAH:

Campur Tangan Ahli Politik dalam Pentadbiran dan Kewangan Kerajaan

Kebanyakan ahli politik dilihat mencampuri dalam urusan pentadbiran di mana keuntungan peribadi dapat dicapai walaupun dengan membelakangi undang-undang dan peraturan. Campur tangan ini biasanya berlaku dalam proses membuat keputusan terutamanya yang melibatkan perolehan, proses perantaraan kerja dan sistem perundangan. Menurut SPRM, sejak tahun 2012 sehingga 2014, sejumlah besar kes yang direkodkan adalah dalam sektor pembinaan yang melibatkan perolehan contohnya rundingan dengan orang tengah.

Kurangnya Kepimpinan dan Kemahuan Politik

Kurangnya sokongan, komitmen serta kemahuan dikalangan kepimpinan politik untuk melaksanakan kawalan antirasuah telah memberi kesan kepada kemampuan dan keberkesanan inisiatif antirasuah yang dijalankan setakat ini. Kebanyakan, jika tidak semua, inisiatif pencegahan rasuah lambat, perlahan atau tidak popular untuk dilaksanakan. Antara inisiatif (seperti yang diumumkan oleh pentadbiran terdahulu) yang masih tertangguh:

- Ketelusan dalam pengisytiharan aset dan dasar pengurusan hadiah oleh Ahli Pentadbiran (termasuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri);
- Pengenalan Peruntukan Salah Laku Penjawat Awam;
- Penubuhan agensi bebas dalam menguruskan aset yang dirampas dan dilucuthak;
- Garis Panduan yang betul mengenai pelobi; dan
- Penandaan kuasa antara Menteri dan Ketua Setiausaha.

Badan Perundangan dan Badan Penguatkuasaan Yang Bebas


Institusi perundangan dan agensi penguat kuasa perlu diperkuatkan dan diubah menjadi badan bebas dengan kuasa penuh untuk melaksanakan fungsinya. SPRM, contohnya, seharusnya boleh melaksanakan fungsinya secara bebas dan berkesan tanpa gangguan bersifat politik. Campur tangan politik dalam skandal 1MDB dan Pihak Berkuasa Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) menjadi antara penghalang terbesar kepada SPRM dan Jabatan Peguam Negara antara tahun 2015 dan 2016 dalam melaksanakan fungsi mereka. Campur tangan politik telah mencetuskan kecelaruan pentadbiran yang membawa kepada penukaran pegawai Pengurusan Tertinggi SPRM. Isu ini telah dilaporkan oleh Bertelsmann Foundation dalam Bertelsmann Stiftung Transformation Index (BTI) 2018 dan (CPI) pada tahun 2017.

Hukuman Yang Ringan Kepada Pesalah Rasuah

Hukuman sedia ada bagi sebarang kesalahan berkaitan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) adalah hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun manakala, Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575) memperuntukkan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang daripada 14 hari dan tidak lebih daripada 20 tahun. Berbanding kedua-dua Akta berkenaan, Akta SPRM 2009 (Akta 694) tidak memperuntukkan sebarang hukuman penjara minimum kepada pesalah dan ia boleh ditafsirkan bahawa pesalah rasuah tidak akan menerima sebarang hukuman penjara minimum. Akibatnya, Akta 694 akan dilihat tidak kuat dan lapuk serta perlu dipinda.

SEKTOR YANG CENDERUNG KEPADA RASUAH: 2013-2018

(Aduan yang diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia [SPRM])



Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Diterbitkan oleh:
UNIT INTEGRITI KESEDAR
Sumber Rujukan :
<http://www.sprm.gov.my>